

TARIKH	12 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

Bakal haji lebih 75 tahun diutamakan

Kuala Lumpur: Tabung Haji (TH) terpaksa menyaring jemaah haji bagi memastikan mereka yang benar-benar layak didahulukan, berikutan menerima lebih 60,000 rayuan setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata saringan itu juga bagi memastikan pencarum kali pertama dan berusia lebih 75 tahun diberi keutamaan.

"Bagaimanapun, katanya mereka yang tidak terpilih masih boleh mengemukakan rayuan untuk dinilai TH, termasuk mengisi kekosongan jemaah haji terpilih tahun semasa yang menolak tawaran mengerjakan ibadat itu.

Pertimbang rayuan

"Permohonan rayuan juga akan dipertimbangkan sekiranya dilakukan mahram serta pembantu kepada bakal haji berusia 80 tahun ke atas yang terpilih mengerjakan ibadat berkenaan," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan muka depan *BH*, mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri

Jamil Baharom supaya memberi laluan kepada pemohon kali pertama dalam senarai menunggu, termasuk lebih 14,000 pencarum berdaftar berusia 75 tahun ke atas.

Setuju saringan dibuat

Dalam pada itu, tinjauan mendapati ramai bersetuju dengan tindakan saringan pemilihan jemaah haji kerana dilihat memberi laluan kepada

individu yang lebih layak sahaja.

Pengurus syarikat perbankan, Abdul Rahman Ahmad Zaini, 46, berkata ia adalah perkhabaran gembira bagi yang sudah lama menunggu untuk menunaikan ibadat itu.

"Tidak semua orang mampu untuk mengumpul duit yang banyak dalam jangka waktu singkat. Namun bila simpanan sudah mencukupi, kuota berkenaan diberikan kepada yang lebih berkemampuan.

"Tindakan saringan ini dilihat sangat adil bagi memastikan mereka yang sudah lama mengumpul duit untuk mengerjakan haji tidak akan terlepas peluang.